

2007 tahun perkukuh Umno

BH-23/7/2007

Najib gesa wujudkan peradaban, tamadun lebih hebat selepas 50 tahun merdeka

Oleh Amirullah Andi Nur

SEPANG: Datuk Seri Najib Razak mahu supaya semua ahli Umno menjadikan 2007 sebagai tahun memperkukuhkan parti bagi membolehkannya menjadi organisasi lebih utuh, bersesuaian dengan kedudukannya yang kini mempunyai 3.3 juta keahlian.

Timbalan Presiden parti itu berkata, langkah berkenaan selaras usaha parti dan kerajaan mewujudkan sebuah negara yang mempunyai peradaban serta tamadun lebih hebat selepas 50 tahun mencapai kemerdekaan.

“Matlamat sebenar perjuangan kita dalam Umno sekarang ini adalah mewujudkan sebuah peradaban dan tamadun yang lebih hebat selepas 50 tahun negara merdeka.

“Sebab itu, biarlah 2007 kita isytiharkan tahun memperkukuhkan Umno sebagai satu organisasi. Kita

“*Kita kuatkan Umno dan mantapkan kedudukan kerana parti sudah pun mempunyai 3.3 juta ahli*”

Najib Razak
Timbalan Presiden Umno

kuatkan Umno dan mantapkan kedudukan kerana parti sudah pun mempunyai 3.3 juta ahli,” katanya berucap merasmikan Persidangan Perwakilan Umno bahagian Sepang di Bandar Baru Salak Tinggi, di sini, semalam.

Hadir sama Ketua Penerangan Umno yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Ketua Bahagian Umno Sepang, Datuk Mohd Zin Mohamed.

Najib yang juga Timbalan Perdana Menteri berkata, Umno sentiasa membuka pintu seluas-luasnya kepada mereka yang hendak memohon menjadi ahli tanpa perlu melalui proses temu duga atau diiringi surat sokongan.

Namun, beliau menegaskan soal kualiti tetap menjadi keutamaan parti.

“Dalam era globalisasi dan liberalisasi, kalau hendak bersaing di pasaran terbuka, hanya barangan berkualiti saja yang boleh menang. Begitu juga dalam Umno, soal kualiti ahli perlu diberi perhatian dan bukan hanya menambah kuantiti semata-mata,” katanya.

Najib menegaskan Umno sentiasa mengutamakan mereka yang mempunyai niat untuk berjuang bagi kepentingan parti dan bukan hendakkan sesuatu sama ada daripada parti atau kerajaan.

“Kenapa kita hendak masuk Umno? Cuba tanya diri sendiri,” katanya.



HARI BERSEJARAH: Najib memotong kek hari jadi beliau di Kuala Lumpur, semalam, sambil diperhatikan Timbalan Ketua Umno Bahagian Ampang, Datuk Ismail Kijo (dua dari kiri) dan Ketua Umno Bahagian Ampang, Datuk Mufti Shuib.